



**MOHAMAD Imran Omar sedang memberi penerangan mengenai penanaman nanas madu MD2.**

## Nanas MD2 ada nilai pasaran tinggi

NANAS madu atau MD2 kini semakin popular dan mendapat permintaan di pasaran kerana memberikan rasa manis dan keenakan yang unik kepada si pemakan.

Varian ini memberikan kelazatan istimewa yang tidak memberikan rasa lidas (rasa pedih atau gatal pada lidah) dan empulur yang lembut berbeza dengan nanas yang lain.

Baru-baru ini pasaran nanas MD2 di Malaysia telah diperluaskan menembusi Osaka sekali gus menyumbang kepada peningkatan jumlah eksport negara bahkan membantu pemain industri negara dalam menambah pendapatan.

Sehingga kini, hampir 20 negara mengimport produk nanas antaranya Singapura, Mesir, China dan Jepun mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Lembaga Perindustrian Nanas

Malaysia (LPNM).

Dalam pada itu, LPNM pada 2021 telah menyeru agar lebih banyak pihak membabitkan diri dalam bidang penanaman nanas, khususnya jenis MD2, yang masih kurang penghasilannya, sedangkan permintaan di pasaran amat tinggi.

Menurut Penolong Pegawai Pertanian, Unit Tanaman Nanas Pusat Pertanian Putra (PPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Imran Omar, terdapat 16 jenis varieti nanas di Malaysia namun pasaran MD2 mendapat sambutan yang menggalakkan dek permintaan yang tinggi oleh peminatnya.

Katanya pasaran nanas jenis ini di Malaysia mendapat sambutan yang tinggi selepas sawit dan durian kerana penggunaan buah nanas yang pelbagai dalam negara bukan sekadar segar dimakan namun mendapat permintaan dalam penghasilan jus, sambal nanas, jem, kuih, salad buahan, sabun dan sebagainya.

Tambahnya, MD2 merupakan buah premium kerana isinya yang sedap akan memberikan rasa ketagihan selain kulitnya yang nipis dan

boleh mencecah sehingga empat kilogram (kg) sebiji.

Selain menjadi salah satu sumber kekayaan baharu negara dalam sektor pertanian, tanaman nanas ini mudah untuk dijaga kepada pengusaha kerana ia tidak memerlukan siraman air yang banyak dan hanya perlu memastikan sistem perparitan yang baik bagi mengelakkan takungan air.

Tanaman ini juga tidak memerlukan sistem penggiliran tanaman melainkan pokok tersebut telah diserang penyakit seperti Reput Teras Bakteria (bacterial heart rot) yang sedikit mengganggu industri nanas Malaysia.

Hal ini demikian kerana, penyakit ini masih tiada ubat namun langkah kawalan perlu diambil apabila pokok telah dijangkiti penyakit iaitu dengan mencabut dan membakar pokok yang rosak manakala kawasan tanaman perlu diletakkan sulfur serta clorox.

Imran berkata penyakit ini dapat dikesan apabila melihat pokok nanas mula layu dan rosak.

Dalam pada itu, para pengusaha nanas perlu sentiasa memastikan buah nanas dalam keadaan yang baik serta mengawal rumpai pada pokok nanas yang merupakan antara ancaman buat penghasilan buah nanas yang premium.

Katanya lagi, para peraih tidak mahu mengambil hasil buah nanas yang kurang cantik walaupun hanya terdapat sedikit sahaja kerosakan pada buah.

